



Available on the iPhone
App Store

GET IT ON
Google Play



Rabu, 26 Julai 2023, 9:38pm

NASIONAL KES POLITIK PENDIDIKAN WILAYAH

Kondominium mewah ancam keselamatan warga Maahad Hamidiah



[Wartawan Berita Harian](#) - November 1, 2015 @ 7:00am
bhnews@bh.com.my



[READ MORE](#)

KAJANG: Keselamatan 1,119 pelajar, guru dan kakitangan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Maahad Hamidiah, di sini, terancam berikutan pelaksanaan projek kondominium mewah The Lourve di hadapan sekolah itu.

Berdasarkan semakan dengan perunding bebas, projek bersebelahan Persiaran Hamidiah, yang menjadi laluan tunggal keluar dan masuk ke sekolah itu akan menjadi sesak dan padat, sekali gus meningkatkan kemungkinan kemalangan kepada pengguna yang terdiri daripada warga Maahad Hamidiah.

Sehubungan itu, pelbagai pihak mendesak kerajaan Selangor membatalkan serta-merta projek kondominium berkenaan, selain mahu pihak berkuasa negeri mendedahkan penilaian impak trafik (TIA) yang diserahkan perunding lantikan pemaju.

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 12m [Perenang muda Australia lebur rekod dunia](#)
- 18m [Nak selamatkan Kancil, nyawa melayang kena hempap kontena](#)
- 21m [Kemenangan ABPBH 35 serlah bakat Dolla](#)
- 30m [3 lelaki rompak barang kemas RM1 juta](#)
- 31m [Datuk ditahan bersama RM38 juta, 200kg emas bebas selepas tempoh reman tamat](#)
- 40m [Jumat tak pulang...](#)
- 46m [Polis tahan suspek sembur 51 kubur cat merah, biru](#)
- 48m [PRN: 'Semak dan imbang' modal kempen MUDA](#)



Berita terkini setiap pagi
Dapatkan Berita Pilihan
Berita Harian dalam e-mel anda

| DISYORKAN UNTUK ANDA

Nama

Alamat E-mel

Dengan melanggar, anda bersetuju dengan [Term of Use](#) and [Privacy Policy](#)

[Daftar Sekarang](#)



PEMBANGUNAN yang dijalankan berhampiran Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Maahad Hamidiah, Kajang. - Foto Sairien Nafis

Timbalan Ketua Sekretariat 1 Pasukan Petugas Khas Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Maahad Hamidiah, Salahudin Amir Hassan, berkata semakan PIBG berhubung projek itu dengan perunding bebas mendapati maklumat berkenaan amat membimbangkan dan memberi isyarat jelas projek terbabit mesti dibatalkan serta-merta.

"Pelbagai pihak menyifatkan projek berkenaan boleh mengancam dan membahayakan nyawa pelajar, guru dan menjelaskan keseluruhan institusi pendidikan Islam yang terbaik dan berprestij di negara ini.

"Kerajaan negeri dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) turut digesa lebih peka dengan tuntutan golongan ibu bapa dan penduduk di sini, yang mahu Maahad Hamidiah tidak digangu dengan kehadiran projek mewah," katanya kepada BH, di sini, semalam.

Pada 22 April lalu, MPKj mengeluarkan notis berhenti kerja kepada pemaju kondominium berkenaan sehingga pemaju mematuhi aspek keselamatan dan garis panduan daripada pihak berkuasa negeri.

Projek kontroversi itu turut mendapat perhatian Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali, yang dilaporkan mahu ia dinilai semula pada Mei lalu.

Mengulas lanjut, Salahuddin berkata, reka bentuk Persiaran Hamidiah yang menjadi laluan tunggal keluar dan masuk sepanjang kira-kira 800 meter itu dikhatusukan untuk ke sekolah sahaja, menjadikan sebarang projek bagi penduduk berketumpatan tinggi tidak sesuai dilaksanakan di situ.

Katanya, pihaknya menjalankan kajian serta semakan berhubung impak projek itu sekiranya diteruskan dan mendapati ia terlalu berbahaya, sama ada ketika ia sedang dijalankan dan juga selepas projek itu siap.

"Semakan Penilaian Impak Trafik (TIA) yang kami lakukan dengan perunding bebas menyatakan projek ini bahaya kerana aliran trafik padat persekitaran akan bertambah padat dan reka bentuk jalan raya tidak

DISYORKAN



[NASIONAL](#) Jul 25, 2023 @ 11:50pm

['Kami mahu YB Taufek'](#)



[KES](#) Jul 25, 2023 @ 11:35pm

[Polis tahan lelaki bakar kedai sayur di pasar](#)



[NASIONAL](#) Jul 25, 2023 @ 8:54pm

[Senarai calon DAP bagi PRN Pulau Pinang dan Kedah](#)



[NASIONAL](#) Jul 25, 2023 @ 8:17pm

[DAP umum 7 calon muka baharu di Pulau Pinang](#)



[LAIN-LAIN \(SUKAN\)](#)

Jul 25, 2023 @ 11:25pm

[Sekolah boleh anjur hari sukan di SNBJ secara percuma - Hannah](#)

TRENDING

sesuai, meningkatkan risiko kemalangan.

"Persiaran Hamidiah pendek dan sangat tidak sesuai untuk digunakan pemaju mahu pun pembeli harta tanah itu. Selain itu, ketumpatan kenderaan yang menggunakan Sistem Lingkaran-Lebuh Raya Kajang Sdn Bhd (SILK) juga sudah mencapai tahap maksimum," katanya.

INFO:

SMKA Maahad Hamidiah

* Ia bermula dengan rancangan pengambilan Sekolah-Sekolah Menengah Agama kelolaan Kerajaan Selangor dan Majlis Agama Islam

Negeri-Negeri.

* Institusi pendidikan yang menjadi mercu Kajang itu diasaskan oleh Abdul Hamid Daud, iaitu tokoh ulama tempatan yang mendapat

pendidikan awal di Mesir, pada tahun 1963.

* Bangunan asal SMKA Maahad Hamidiah adalah di Batu 14, Jalan Cheras, berhampiran Masjid Jamek Kajang, yang dibina dengan

bantuan masyarakat setempat dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

* Pada mulanya, sekolah itu dikenali sebagai Sekolah Menengah Arab Pekan Kajang atau Sekolah Arab Kajang sebelum mengambil

nama pengasasnya untuk dijadikan nama sekolah.

* Sekolah agama ini kemudiannya diambil alih Kementerian Pendidikan daripada JAIS pada tahun 1977.

* Pada 16 September 1984, ia berpindah ke Sungai Ramal Luar, di Kajang, atas inisiatif kementerian, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor

dan Pejabat Daerah Hulu Langat.

* Susulan perpindahan itu, Maahad Hamidiah menjadi sekolah pilihan utama ibu bapa sekitar Kajang dan Bandar Baru Bangi untuk

anak mereka mendapat pendidikan.

* Maahad Hamidiah meraih status antara sekolah asrama harian terbaik dan dianggap antara institusi pendidikan terunggul di Selangor.

* Ia kini mempunyai seramai 1,030 orang pelajar dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Enam, manakala tenaga pengajar pula seramai 70 orang dan disokong oleh 19 kakitangan.

VIDEO BERKAITAN



KES 18 minit yang lepas

Nak selamatkan Kancil, nyawa melayang kena hempap kontena



NASIONAL 5 jam yang lepas

Datuk ditahan bersama tunai RM38 juta, 200kg emas oleh MATEF



NASIONAL 6 jam yang lepas

Isteri nak buat kejutan datang Kuantan...



NASIONAL 10 jam yang lepas


Apa hak PM buat undang-undang sendiri? - Dr Mahathir



NASIONAL 11 jam yang lepas

PM tak boleh arah PDRM, SPRM jalankan siasatan

OHBULAN



HANA ISMAIL GUGUR 2 jam yang lepas

Isteri Da'i Syed Keguguran



SEKS ORAL 5 jam yang lepas

Saksi Dakwa PU Azman Minta Mangsa Cium, Buat Seks Oral



KINI TRENDING 5 jam yang lepas

Lelaki 'Ready' Nak Puaskan Nafsu Dengan Kuda, Ditangkap Berbogel Dengan Keadaan...



OH! BULAN 5 jam yang lepas

ABPBH35 Capai 5.6 Juta Tontonan TV



WIWIN SUPRIYA 5 jam yang lepas

'Semuanya Tidak Bermakna Selepas Ada Pihak Ketiga'- Isteri YouTuber Diceraikan...

SEISMIK




4 jam yang lepas

Perkenal Dengan Logo Baru, Berikut Adalah 10 Ciri Yang Anda Perlu Tahu Di...



5 jam yang lepas

Anak Tindih Ular Senduk Keras Tak Bergerak, Ramai Puji Tindakan Pengasuh Tenang...



6 jam yang lepas

"Selalu Dekat Dinding Rumah" - Lelaki Kongsi Luka Digigit Kamit tetep Ini Curi...